

Ketagihan internet membimbangkan

KOSMO

16/12/2017

M/S 3

Oleh KAMARIAH KHALIDI

HULU TERENGGANU -

Gejala ketagihan internet dalam kalangan belia berusia 20 tahun hingga 49 tahun di negara ini berada pada tahap membimbangkan apabila 76.1 peratus daripada mereka menghabiskan masa sekurang-kurangnya empat jam sehari untuk melayari laman sosial.

Berdasarkan kajian sama yang dilakukan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sejak tahun 2010, hanya 15.5 peratus dan 8.4 peratus daripada 24.1 juta pengguna internet di negara ini terdiri daripada golongan berusia 19 tahun ke bawah dan 50 tahun ke atas.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Jailani Johari (**gambar kecil**) berkata, pengguna Internet di negara ini terdiri daripada 59.4 peratus pengguna lelaki manakala baki 40.6 peratus adalah wanita.

Beliau berkata, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh SKMM, gejala tersebut mempunyai hubungan secara langsung dengan kesihatan mental iaitu semakin murung seseorang semakin mudah mereka ketagih kepada internet.

"Berdasarkan maklum balas daripada 725 responden, sebanyak 89 peratus daripadanya menunjukkan mereka ketagih melayari inter-



BERDASARKAN kajian yang dilakukan oleh SKMM, ramai golongan belia ketagih untuk melayari internet. - Gambar hiasan

net. Sebanyak 60 peratus daripada responden menunjukkan tahap keresahan manakala 32 peratus lagi mengalami tahap kemurungan yang tinggi.

"Kajian oleh SKMM ini telah bermula sejak tahun 2010 sehingga kini menerusi tiga fasa yang dijalankan bersama pihak akademik daripada beberapa universiti swasta di negara ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Berkhatan dan Bertindik Perdana Peringkat Par-



limen Hulu Terengganu yang disertai seramai 135 kanak-kanak berusia lingkungan lima hingga 12 tahun di Dewan Sivik Ajil di sini semalam.

Jailani yang merupakan Ahli Parlimen Hulu Terengganu berkata, dari-

pada 24.1 juta pengguna, 80 peratus daripadanya menggunakan kemudahan untuk melayari media sosial dan purata penggunaannya melebihi empat jam sehari.

Katanya, berdasarkan kajian itu,

INFO Simptom ketagihan Internet

● Periksa telefon sejeurus sebelum tidur dan ketika bangun



● Bawa telefon ke tandas

● Resah, murung dan cemas apabila kehabisan data Internet atau bateri telefon

● Sentiasa membawa alat pengcas telefon bimbit



● Meletakkan telefon di bawah bantal ketika tidur

Kosmo!

INFO Kadar penggunaan internet di Malaysia

● Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia mendapati 89 peratus daripada 725 responden menunjukkan mereka ketagih internet

● Sebanyak 60 peratus daripada responden menunjukkan tahap-tahap keresahan dan 32 peratus daripadanya pula mengalami tahap kemurungan yang tinggi

● Hasil dapatan itu diperoleh menerusi tiga fasa kajian yang dijalankan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bermula 2010 dan masih diteruskan hingga kini

● Sebanyak 76.1 peratus daripada 24.1 juta pengguna internet di negara ini adalah golongan belia iaitu berumur 20 hingga 49 tahun

● Pengguna internet di negara ini terdiri daripada 59.4 peratus lelaki dan 40.6 peratus wanita

Kosmo!